# Penubuhan CI UMP beri nilai tambah kepada pelajar

Berita Harian (Varsiti) 31/10/19 (Khamis) m/s: 6

**Kuala Lumpur:** Pelancaran *Confucius Institute* (CI) Universiti Malaysia Pahang (UMP), baru-baru ini bukan sahaja akan berperanan sebagai institut bahasa Mandarin malah menyediakan silibus pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata institut itu dapat membantu bakal graduan dengan pelbagai kemahiran komunikasi bahasa ,sekali gus memberi tambah nilai dan penempatan pekerjaan dengan lebih luas buat mereka.



*Normah dan Prof Wan Azhar bersama Feng Jun dalam Majlis Pelancaran CI UMP dan Penutup Festival Seni Budaya Malaysia-China, baru-baru ini.*

Katanya, institut itu juga akan menyediakan ujian kefasihan bahasa Mandarin-Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK) yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa kepada seluruh warga Malaysia selain menawarkan perkhidmatan latihan kepada guru bahasa Mandarin dan menjadi pusat penyelidikan bahan pengajaran bahasa ketiga itu.

"Selain itu, institut ini juga berperanan menyediakan perkhidmatan pertukaran pelajar UMP ke universiti di China sebagai usaha untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa terhadap budaya dan amalan kehidupan harian melalui pembelajaran di bilik kuliah, pembabitan kegiatan kebudayaan dan pergaulan dengan masyarakat tempatan.

"Sokongan Kementerian Pendidikan, Confucius Institute Headquarter (Hanban) dan Hebei University terhadap penubuhan institut ini adalah satu pengiktirafan amat bermakna kepada seluruh warga universiti untuk meningkatkan inisiatif dan memperluas kerjasama di pentas global supaya institut ini terus relevan serta memberi nilai tambah terutamanya buat mahasiswa UMP dan pihak luar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian penubuhan CI UMP yang dirasmikan Setiausaha Bahagian, Perancangan dan Penyelarasan Dasar Kementerian Pendidikan, Normah Osman.

Yang turut hadir, Pengarah Kebudayaan Kedutaan Republik Rakyat China di Malaysia, Feng Jun; Naib Presiden Hebei University, Prof Dr Shen Shigang; Pengarah CI China, Prof Gui Fuliang dan Pengarah CI UMP, Yong Ying Mei.

UMP mempunyai Pusat Budaya dan Bahasa Mandarin (MLCC) yang ditubuhkan sejak lapan tahun lalu dengan penganjuran pelbagai kursus bahasa Mandarin dan aktiviti kebudayaan Cina dalam kalangan warga universiti dan masyarakat setempat termasuk daripada agensi kerajaan, badan swasta dan industri sehingga berupaya menjadi pusat rujukan utama berhubung kait dengan bahasa Mandarin dan kebudayaan Cina di Pantai Timur.

Sehingga kini, terdapat 530 CI di 155 negara dan wilayah di seluruh dunia manakala di Malaysia, penubuhan CI yang pertama adalah di Universiti Malaya (UM) yang kini masuk tahun ke-10.

Sementara itu, Normah berkata, pihak kementerian amat menghargai usaha UMP dan Hebei University dalam menubuhkan CI yang memberi nilai tambah kepada seluruh warga universiti dan juga masyarakat setempat.

Katanya, penubuhan CI diharap dapat menjadi gedung ilmu dan disedari kepentingannya oleh mahasiswa serta masyarakat dalam pertukaran budaya, penjanaan ekonomi dan pengukuhan ilmu pengetahuan dalam bidang Sains serta Teknologi membabitkan dua negara.